

03 APRIL 2017

**PENGASIH sokong ketegasan kerajaan perangi dadah**

## PENGASIH sokong ketegasan kerajaan perangi dadah

**Kuala Lumpur:** Persatuan Pengasih Malaysia (PENGASIH) menyokong penuh ketegasan kerajaan mahu memerangi raja dadah dan sindiket narkotik dengan apa jua cara seperti diumumkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, kelmarin.

Pengasas PENGASIH, Datuk Mohd Yunus Pathi, berkata pihaknya akan terus menyokong sebarang langkah tegas mahu diambil kerajaan bagi memastikan kegiatan pengedaran dadah di negara ini dapat dibanteras.

Sehubungan itu, beliau berharap kerajaan dapat menubuhkan segera mahkamah khas bagi mem-

bicarakan kes berkaitan dadah yang pernah diumumkan Ahmad Zahid di Melaka, awal tahun lalu.

### Tubuh mahkamah khas dadah

"Kita masih menunggu bilakah pengumuman Timbalan Perdana Menteri untuk menubuhkan mahkamah khas dadah ini akan menjadi kenyataan.

"Mahkamah khas ini amat perlu memandangkan ketika ini banyak perbicaraan kes dadah yang tertangguh selain khuatir pihak yang terbabit dengan penangkapan itu bersara atau lupa dengan kes berkenaan.

"Selain itu, proses sedia ada di



Mohd Yunus Pathi

mahkamah biasa yang dijalankan juga mengambil masa yang panjang namun sebaliknya jika mahkamah khas ini ditubuhkan," katanya kepada BH, semalam.

Kelmarin, Ahmad Zahid memberi 'lampu hijau' kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk menggunakan apa sahaja pendekatan bagi memerangi raja dadah dan sindiket narkotik.

Ketika menyuarakan ketegasan itu, beliau berkata, kerajaan memandang serius statistik yang menunjukkan 55.4 peratus kegiatan jenayah di Malaysia pada tahun lalu, mempunyai kaitan dengan sindiket dadah.

Mengulas lanjut, Mohd Yunus berkata, PENGASIH turut mahu hukuman penjara seumur hidup dan gantung sehingga mati kepada pesalah dadah diteruskan.

"Kita sehingga kini setuju (dengan perkara ini) walaupun banyak pihak sekarang mula tidak setuju dengan hukuman penjara seumur hidup dan gantung sampai mati, kerana supaya ia menjadi kepada pengedar dadah.

"Walaupun kita tahu pengajaran ini berat, tapi masih ramai juga pengedar di luar sana. Jadi undang-undang ini perlu dikekalkan supaya dapat timbulkan kegeruan kepada mereka," katanya.